

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021(RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan bilangan Pos Kawalan yang sedia ada di negeri Sarawak dan berapa yang bakal dibina dalam RMK-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih ke atas pertanyaan Yang Berhormat yang pertanyakan tentang bilangan Pos Kawalan sedia ada di negeri Sarawak dan berapa yang bakal dibina dalam RMK-12.

Sebagai makluman Yang Berhormat, bilangan pos kawalan yang sedia ada di sepanjang sempadan Sarawak - Kalimantan adalah sebanyak 10 pos kawalan. Bagi tahun 2021, terdapat 4 buah pos kawalan baharu yang sedang dibina oleh Tentera Darat iaitu:

- i. Pos Kawalan - Padang Pan di Bau;
- ii. Pos Kawalan - Sungai Paoh di Serian;
- iii. Pos Kawalan - Batu Kaya di Lubok Antu; dan
- iv. Pos Kawalan - Tapak Megah di Kapit.

Bagi tahun 2022 hingga 2023, Tentera Darat akan membina 10 lagi pos kawalan baharu di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan. Ini menjadikan jumlah pos kawalan keselamatan di sempadan Sarawak-Kalimantan sebanyak 24 pos. Pembinaan ini adalah menggunakan peruntukan semasa Kementerian dan tidak melibatkan peruntukan di bawah RMKe-12.

Terima kasih.